

# PM pertahan kualiti Proton

B.H 3/08/08 M/S 2

**S**HAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mempertahankan Proton berkaitan kes kerajaan Terengganu yang terpaksa mengeluarkan peruntukan besar bagi menyelenggara 16 kereta Proton Perdana V6 Eksekutif sepanjang lima tahun bermula 2004.

"Saya peminat kereta Proton. Saya sedih dan dukacita apabila dengar cerita Proton di Terengganu tetapi saya diberitahu bukan pasal Proton tidak baik tetapi yang *repair* (perbaiki) tidak betul," katanya.

Perdana Menteri berkata

demikian ketika berucap pada majlis perasmian pengeluaran kereta Proton ketiga juta dan merasmikan Minggu Teknologi Proton di Kilang Pengeluaran Proton di Seksyen 26 di sini, semalam.

Abdullah berkata, peruntukan besar dikeluarkan kerajaan Terengganu berjumlah RM1.07 juta untuk menyenggara 16 kereta Proton Perdana V6 Eksekutif sepanjang lima tahun itu bukan kerana syarikat pengeluar utama kereta nasional itu tidak baik tetapi disebabkan pihak yang menyenggara kereta itu tidak melakukannya dengan betul.

Lima pemilik bengkel ditahan setakat ini bagi membantu siasatan berhubung isu kos penyenggaraan kenderaan rasmi milik kerajaan negeri itu yang disifatkan tidak munasabah oleh Proton.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah mengambil keterangan 10 individu, selain menahan lima pemilik bengkel memperbaiki kenderaan dan menyita lapan Proton Perdana V6 Eksekutif.

Pada 22 Julai lalu, Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said mendedahkan kerajaan negeri terpaksa mengeluarkan perbelanjaan besar sejak 2004 bagi menyeng-

gara Proton Perdana V6 Eksekutif untuk kegunaan Ahli Exco kerajaan negeri.

Berikutan itu, kerajaan negeri mengambil keputusan membeli 14 Mercedes-Benz E200 Kompresor bernilai RM3.43 juta bagi menggantikan kereta nasional itu untuk menjimatkan kos.

Pada 25 Julai lalu, Kabinet memutuskan kerajaan Terengganu mesti menggunakan Proton Perdana V6 Eksekutif sebagai kenderaan rasmi ahli Exconya, manakala 14 Mercedes-Benz E200 Kompresor yang sudah dibeli hanya boleh digunakan untuk tetamu negeri.